

# Jabatan Perikanan kongsi kepakaran 3 universiti

Um 6/8/2022 ms 14

**SERDANG:** Jabatan Perikanan akan berkongsi kepakaran dengan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam memenuhi keperluan industri bagi menyokong agenda sekuriti makanan negara.

Sehubungan itu satu memorandum persefahaman (MoU) dimeterai antara Jabatan Perikanan dengan tiga buah universiti awam yang diharap dapat merancakkan lagi

pertumbuhan sektor perikanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, MoU itu merupakan langkah terbaik untuk perkongsian data dan kajian dalam membangunkan industri perikanan melalui aspek sosial dan ekonomi.

“Dalam era masa kini sudah tentu perkongsian data dan ka-

jian akan mempercepatkan lagi pembangunan industri yang kita inginkan,” katanya selepas menyaksikan MoU tersebut di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di sini semalam.

Tiga universiti terlibat ialah Universiti Malaya (UM), Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Sementara itu, Ketua Pengarah Perikanan, Mohd. Sufian Sulaiman berharap MoU berkenaan dapat membantu meningkatkan nilai sumbangan produktiviti melalui pemindahan teknologi perikanan, perkongsian maklumat saintifik dan perkhidmatan teknikal yang berkualiti.



**RONALD Kiandee (tengah)** bersama wakil universiti selepas memorandum persefahaman (MoU) perkongsian kepakaran dalam bidang perikanan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022, semalam.